

Warta suku tahun yang menghubungkan penulis Bahasa dengan pekerja di pelayan Kristian di Malaysia

## Bengkel Penulisan – Satu Permulaan Kecil Yang Pasti Akan Berbuah Banyak

Seseorang pernah berkata, “kecil itu indah”. Wawasan Penabur telah mengambil satu langkah kecil dengan mengadakan satu bengkel menulis selama 5 hari pada 16-20 Ogos 2010. Harapan kami adalah benih yang ditabur itu akan bertumbuh dan membuah hasil yang berlipat-ganda untuk penulis BM Kristian di Malaysia.


Bengkel tersebut dihadiri oleh 12 orang peserta yang terdiri daripada pastor, pemimpin gereja serta penulis dari gereja-gereja berbahasa BM.

Fasilitatornya adalah Dr. Miriam Adeney, seorang penulis dan mentor kepada penulis yang sangat dikenali. Dia telah menulis banyak buku dengan buku terbarunya berjudul "Kingdom Without Borders - An Untold Story". Dr. Miriam adalah Associate Professor of Global and Urban Ministries, Seattle Pacific University, dan mengajar di Regent Colleg serta Fuller Theological Seminary.



Para peserta telah diajar menggunakan kreativiti, kata nama aktif, dialog, disulami dengan elemen-elemen budaya tempatan; menyediakan satu pengajaran dan pembelajaran yang seimbang, deskripsi detail tentang panca indera, warna, bunyi dan bau; merancang garis besar sebuah buku, perancangan bab-bab, strategi-strategi dalam menangkap minat pembaca, disiplin seorang penulis, dan merancang projek-projek buku.

Tema bengkel adalah "Membangun Pahlawan-Pahlawan Iman" yang bertujuan melatih penulis-penulis untuk menulis bagi membangun semangat dan iman pemuda-pemudi agar mereka boleh berjuang sebagai pahlawan-pahlawan iman di negara ini.



Sepatah dua kata . . .



Shalom,

Suku ketiga tahun ini merupakan bulan-bulan yang sangat sibuk untuk Wawasan penabur. Kami telah menerbitkan 5 buah buku baru, mengadakan satu bengkel menulis, di samping jemputan untuk berbicara tentang pelayan Wawasan Penabur serta road show, terutama di Sabah.

Tetapi peristiwa yang menarik sekali adalah projek “Satu Anak, Satu Alkitab”. Kami merancang untuk mencetak 50,000 Alkitab untuk kanak-kanak dan disebarkan di Sabah & Sarawak. Untuk itu, kami perlu banyak bantuan – dari penterjemahan sampailah kepada penyebaran, pendanaan dan juga distribusi.

Anda dan gereja anda boleh memainkan peranan yang penting dan bermakna untuk projek ini!!

Semoga Tuhan berbicara kepada anda melalui edisi ini. Amin.

*Berita Rakan Penabur* ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentang pelayan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:  
Wawasan Penabur  
P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, SELANGOR  
Fax: 03-7727 7271  
Email: [wawasan.penabur@gmail.com](mailto:wawasan.penabur@gmail.com)  
Website: [www.wawasanpenabur.org](http://www.wawasanpenabur.org)

Akaun Bank kami :


- (1) Public Bank, Cawangan Kelana Jaya, Account No. 3127674507
- (2) CIMB Bank, cawangan Damansara Utama, Account No: 1250 000 7114 058

## Bahan Sumber

### Buku-buku Baru Dari Wawasan Penabur



Puji Tuhan dalam suku ketiga tahun ini, kami telah menerbitkan 5 buah buku lagi: OBOR Belia Buku 10, 11, 12, 13 & 14.



Sebuah buku baru oleh Pelayanan Petros Kuching, "Rempah Ratus Rohani Jilid 2".

Sila hubungi Pr. Peter De Run di 019-889 8049 atau [peterderun@gmail.com](mailto:peterderun@gmail.com) untuk maklumat lanjut.

RM 6/naskah.

Hubungi kami jika sekiranya anda ada menulis dan menerbitkan buku baru dalam Bahasa Malaysia. Sebagai aggregator, Wawasan Penabur komited untuk memberitahu kepada yang lain tentang buku-buku baru.



Satu lagi sebabnya adalah untuk menulis tentang tokoh-tokoh dalam Alkitab yang boleh menjadi contoh kepada belia kita dalam membangun dan meneguhkan iman mereka.

Penulis kitab Ibrani ada mengatakan "Kerana kita mempunyai banyak saksi, bagaikan awan yang mengelilingi kita, marilah kita berlomba dengan tekun dalam perlombaan yang diwajibkan bagi kita. Marilah kita melakukannya dengan mata yang tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita itu kepada kesempurnaan, yang dengan mengabaikan kehinaan tekun memikul salib ganti sukacita yang disediakan bagi Dia, yang sekarang duduk di sebelah kanan takhta Allah." (Ibrani 12:1-2)



## Roadshow WP

Buku-buku telah diperkenalkan dan disebarakan melalui pelbagai acara – pertemuan muda-mudi di Shah Alam, Kem Barnabas Guru-guru Kristian Sabah di Keningau, Majlis Gereja2 di Keningau, Kem Muda-Mudi Anglikan di Telupid dsbnya.



## Pengumuman Khas

### ◆ Projek "Satu Anak, Satu Alkitab"

Wawasan Penabur akan melancarkan projek "Satu Anak, Satu Alkitab" yang bertujuan untuk menjawab keperluan ketandusan Alkitab BM di negara ini. Kanak2 adalah pemimpin masa depan kita, tetapi sementara ini belum ada Alkitab yang khusus untuk mereka.

Berdoalah untuk dan bersama kami terutama dalam perancangan untuk mencetak 50,000 Alkitab kanak-kanak bagi projek ini.